

Headline **Hutan bakau pelindung kawasan pantai**
Date **25 Jul 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **765 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **33,703**
PRValue **101,109**



Hutan bakau pelindung kawasan pantai

Sime Darby laksana tanggungjawab sosial korporat sedia kawasan pulihara hutan pesisir Pulau Carey

Oleh **Siti Nurazlinee Azmi**
sitinurazlinee@bharian.com.my

TRAGEDI tsunami pada 26 Disember 2004 membuktikan hutan paya bakau adalah tanaman penting di pesisiran pantai yang bertindak sebagai benteng penghalang untuk memecah ombak besar daripada sampai terus ke daratan.

Selain berperanan sebagai pelindung, hutan paya bakau juga kaya dengan sumber makanan, kerana ia adalah habitat ikan, ketam serta udang dan kekayaan sumber ini menjadikan ia tempat persinggahan burung migrasi.

Menyedari pentingnya hutan bakau dan kepelbagaian bio yang dimiliki, Sime Darby Plantation Sdn Bhd (Sime Darby Plantation) mengambil inisiatif mewujudkan Mangrove Research Centre (MRC) di Pulau Carey, Klang, Selangor.

Bagaimanapun, kesedaran berhubung kepentingan hutan paya bakau pada Sime Darby Plantation bukan hadir selepas tragedi tsunami tetapi pemuliharaannya dimulakan sejak termeterainya perjanjian antara Universiti Malaya (UM) dengan syarikat terdahulu iaitu Golden Hope Plantations Berhad pada 2003.

Perjanjian itu adalah kolaborasi dalam memelihara kepelbagaian bio di Pulau Carey yang turut membabitkan lebih 11,000 hektar ladang kelapa sawit milik Sime Darby Plantation dan menerusi perjanjian itu juga terhasillah dokumentasi mengenai lebih 70 spesies burung yang terdapat di pulau berkenaan.

Selepas penggabungan yang mewujudkan Sime Darby Plantation, kerjasama pemuliharaan itu disambung bermula 2009 dengan sumbangan dana dari Sime Darby Plantation kepada UM sebanyak RM646,000.

Sepanjang kerjasama itu usaha penyelidikan dan pembangunan

(R&D) giat dijalankan malah penanaman semula pokok bakau turut dilakukan di pesisir pantai berhampiran Ladang West, ladang kelapa sawit milik Sime Darby Plantation.

Ketua Eksekutif Yayasan Sime Darby (YSD), Yatela Zainal Abidin, berkata membangunkan masa depan yang mampan menjadi aspirasi syarikat.

Menerusi YSD, pembangunan niaga di masa depan bukan saja memperbaiki dari sudut pendapatan ekonomi tetapi juga meningkatkan prestasi operasi termasuk memastikan perancangan perniagaan sentiasa mengikut landasan ditetapkan di samping memainkan peranan dalam permasalahan sejagat.

Sebagai contoh katanya, kerjasama yang dilakukan bersama pelbagai organisasi swasta dan kerajaan adalah tanggungjawab sosial syarikat gergasi seperti Sime Darby.

"Bagi pemuliharaan alam sekitar, ia menjadi perkara penting yang mesti dilakukan secara berterusan berikutan keadaan persekitaran kini yang kian merosot sehingga menyebabkan pelbagai penyakit wujud sama ada di kalangan manusia, flora dan fauna.

"Menanganinya dengan melakukan projek pencegahan seperti

membaik pulih sistem bio adalah lebih baik daripada merawatnya selepas dibinasakan. Itu adalah matlamat kami bagi memastikan alam sekitar sentiasa dipelihara dari semasa ke semasa," katanya.

Dalam isu pemuliharaan alam sekitar Yatela berkata, YSD mengamalkan pendekatan serampang dua mata iaitu menyokong kegiatan penyelidikan berkaitan dan menjalankan amalan terbaik dalam operasi syarikat bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Melalui penubuhan Kursi Perubahan Iklim yang dijalankan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YSD menyumbang RM5

juta endowment fund dan RM15 juta lagi bagi Sustainable Development Chair Towards Zero Waste juga dengan UKM, katanya.

YSD juga menyumbang sebanyak RM30 juta untuk Royal Society's South East Asia Rainforest Research Programme (SEARRP) bagi projek penyelidikan mengenai kestabilan ekosistem hutan, katanya.

"YSD sentiasa tampil memberi sumbangan tidak kira projek besar atau kecil yang membabitkan pemuliharaan alam sekitar seperti pemuliharaan pusat peranginan setempat seperti air terjun, pantai

dan sebagainya," katanya.

Profesor Institut Sains Biologi Universiti Malaya, Dr Chong Ving Ching, berkata Malaysia masih berada di peringkat awal dalam usaha menggiatkan penanaman pokok bakau untuk pemuliharaan hutan bakau di pesisiran pantai.

"Di Pulau Carey penyelidikan kami bertumpu kepada penanaman bakau api dan bakau kurap yang mana ia sesuai dengan jenis pasir pantai yang ada di pulau ini," katanya.

Pegawai Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Raja Barizan Raja Sulaiman, berkata bagaimanapun penanaman pokok bakau perlu ada perlindungan dan penelitian khusus seperti menggunakan pemecah ombak sebagai halangan awal di pesisir pantai untuk mengurangkan tenaga ombak yang mengancam anak pokok bakau ditanam.

Bagi memelihara kawasan rehat dan bertelur beratus spesies burung ketika proses migrasi, Profesor Madya (Ornithology dan Mammalogy) UM, Dr Rosli Ramli, pula berkata, ladang sawit juga boleh dijadikan kawasan persinggahan burung sekiranya sistem kepelbagaian bio diperluaskan dan digunakan sebaik mungkin.

Bagi usaha penyelidikan, selain menyediakan kemudahan untuk

Headline	Hutan bakau pelindung kawasan pantai	Language	Malay
Date	25 Jul 2011	Page No	3
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	765 cm²
Section	Nasional	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	33,703
Frequency	Daily	PRValue	101,109
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

kajian terhadap hutan paya bakau, Sime Darby Plantation turut menyediakan kawasan khas di Pulau Carey sebagai usaha pemuliharaan dan perlindungan pokok hutan terancam.

Kini terdapat lebih 30,000 pokok daripada spesies terancam ditanam di kawasan seluas 16 hektar di taman Wildlife Sanctuary yang luasnya hampir seratus hektar.

Sebahagian daripada pokok berkenaan mengeluarkan buah yang menjadi makanan burung dan haiwan lain dan sememangnya tujuan mewujudkan Wildlife Sanctuary adalah sebagai tarikan kepada hidupan liar supaya hadir ke pulau itu sekali gus meningkatkan kepelbagaian bionya.

Semua pokok itu diperoleh daripada Perniagaan Tunas Harapan James Kingham yang menyum-

bang spesies pokok terancam menerusi projek bank gen bertujuan melindungi dan memelihara pokok yang jarang ditemui, terancam dan di ambang kepupusan.

Selain di Pulau Carey, syarikat induk Sime Darby Plantation, Sime Darby Berhad (Sime Darby) turut menjalankan pemuliharaan hutan dan habitat kepelbagaian bio di Sabah menerusi projek konservasi terutama pemuliharaan habitat orang utan yang dilaksanakan di utara Ulu Segama bagi tempoh sepuluh tahun yang mana objektif projek berkenaan adalah pemuliharaan hutan serta mengawal dan melindungi habitat orang utan termasuk hidupan lain di kawasan berkenaan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah, Datuk Sam Mannan, berkata Sime Darby adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak RM25

juta bagi menjalankan projek kerjasama iaitu mensasarkan penghijauan semula kawasan Hutan Simpan Ulu Segama yang sebelum ini dikenal pasti mengalami kerosakan teruk akibat kegiatan penerokaan hutan.



Di Pulau Carey penyelidikan kami bertumpu kepada penanaman bakau api dan bakau kurap yang mana ia sesuai dengan jenis pasir pantai yang ada di pulau ini

Dr Chong Ving Ching
Profesor Institut Sains Biologi
Universiti Malaysia



DARI kiri, Dr Rosli , Prof Chong dan Moh Heng Hing di Mangrove Research Centre (MRC) di Pulau Carey, Klang, Selangor.

Headline **Hutan bakau pelindung kawasan pantai**
Date **25 Jul 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **765 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **33,703**
PRValue **101,109**



POKOK bakau dan tumbuhan yang dibiakkan untuk kepelbagaian bio di Mangrove Research Centre (MRC) di Pulau Carey.